

**KOMPETENSI PENGETUA, KOMITMEN DAN
MOTIVASI SEBAGAI PERAMAL KEPADA
KEPRIHATINAN TERHADAP PERUBAHAN
PENGURUSAN DATA MURID DALAM
KALANGAN GURU DI SABAH**



NORIN FARIZAH MOHD NUIN

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

**KOMPETENSI PENGETUA, KOMITMEN DAN
MOTIVASI SEBAGAI PERAMAL KEPADA
KEPRIHATINAN TERHADAP PERUBAHAN
PENGURUSAN DATA MURID DALAM
KALANGAN GURU DI SABAH**

NORIN FARIZAH MOHD NUIN



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **KOMPETENSI PENGETUA, KOMITMEN DAN MOTIVASI SEBAGAI PERAMAL KEPADA KEPRIHATINAN TERHADAP PERUBAHAN PENGURUSAN DATA MURID DALAM KALANGAN GURU DI SABAH.**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH**

BIDANG : **PENGURUSAN PENDIDIKAN**

Saya **NORIN FARIZAH MOHD NUIN**, Sesi **2015-2020**, mengaku membenarkan tesis Doktoral ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan [/]:

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan)

/

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,

NORIN FARIZAH MOHD NUIN
DP1420175T

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh: 17 SEPTEMBER 2020

(Prof. Madya Dr. Abdul Said bin Ambotang)
Penyelia


PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

17 SEPTEMBER 2020

NORIN FARIZAH MOHD NUIN

DP1420175T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : NORIN FARIZAH BINTI MOHD NUIN

NO. MATRIK : DP1421075T

**TAJUK : KOMPETENSI PENGETUA, KOMITMEN DAN
MOTIVASI SEBAGAI PERAMAL KEPADA
KEPRIHATINAN TERHADAP PERUBAHAN
PENGURUSAN DATA MURID DALAM KALANGAN
GURU DI SABAH**

IJAZAH : DOKTOR FALSAFAH

BIDANG : PENGURUSAN PENDIDIKAN

TARIKH VIVA : 17 JULAI 2020



DISAHKAN OLEH ;
UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
Tandatangan

PENYELIA

Prof. Madya Dr. Abdul Said Bin Ambotang

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Saya panjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T., yang maha luas pengetahuanNya serta limpah dan kurniaNya dapatlah saya menyiapkan tesis ini atas segala rezeki dan rahmat serta hikmah yang diberikan sepanjang menyiapkan tesis. Semoga ilmu yang sekecil zarah ini, dapat dimanfaatkan untuk semua bagi kebaikan manusia sejagat.

Penghargaan yang tak terhingga kepada penyelia Prof. Madya. Dr. Abdul Said Ambotang atas ilmu dan tunjuk ajar yang diberikan. Teguran dan komen membina diberikan oleh Prof. Madya. Dr. Tan Choon Keong dan Dr. Mad Noor Japuni, hanya Allah S.W.T., yang dapat membalas jasa baik tuan-tuan semua. Penghargaan ini juga diberikan kepada kesemua panel pakar atas komen yang membina khususnya Prof. Madya Dr. Mohd Zaki Ishak atas perkongsian ilmu yang diberikan.

Terima kasih yang tak terhingga kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang telah memberi tajaan kepada saya mengikuti pengajian peringkat kedoktoran. Peluang dan ruang yang diberikan ini begitu berharga dan tidak disia-siakan. Ribuan terima kasih juga kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), pengetua-pengetua dan guru-guru Sekolah Menengah Harian di negeri Sabah.

Teristimewa buat suami tersayang Azman Shah bin Talib serta anak-anak (Ammar Zafran Shah, Afreena Zaheerah, Azfeera Zulaikha, Adzra Zareefah), terima kasih atas kasih sayang dan pengorbanan kalian. Tidak dilupakan kepada ibu bapa dan ibu mertua yang di sayangi (Hj Mohd Nuin Bin Rusnih, Hjh Noraini Agike, Hjh Sholehah binti Hj. Jamil), adik-beradik dan seluruh keluarga serta sahabat handai atas doa dan dorongan yang diberikan. Semoga hati ini terus terbuka untuk menerima ilmu dan tidak ego ketika menerima kejayaan yang berkat daripada Allah S.W.T.

Norin Farizah Mohd Nuin

17 SEPTEMBER 2020

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan dan pengaruh kompetensi pengetua (KP), komitmen guru (KG) dan motivasi guru (MG) terhadap perubahan pengurusan data murid (PPDM) di Sabah. Kajian ini melibatkan 380 orang responden yang terdiri daripada guru kelas yang bertugas di seluruh sekolah menengah di Sabah. Kesemua responden telah dijadikan sampel kajian dengan menggunakan kaedah persampelan rawak berperingkat. Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah tinjauan dan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan analisis statistik deskriptif dan statistik inferensi dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science Version 21.0*). Berdasarkan analisis inferensi ujian-t didapati nilai $F = 1.307$, sig.(2 hujung) 0.868 ($p > 0.05$) dan nilai $t (-0.166)$ dan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan PPDM berdasarkan jantina. Analisis ANOVA sehala pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan PPDM berdasarkan umur dan tahap pendidikan guru dengan nilai $F = 0.426$, sig $p = 0.735$ ($p > 0.05$) dan nilai $F = 0.666$, sig $p = 0.5745$ ($p > 0.05$) masing-masing. Namun bagi pengalaman mengajar terdapat perbezaan min yang signifikan terhadap PPDM dengan nilai $F = 9.131$, Sig $p = 0.00$ ($p < 0.05$). Analisis korelasi Pearson pula menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara KP ($r = 0.371$, $p < 0.01$), KG ($r = 0.615$, $p < 0.01$) dan MG ($r = 0.667$, $p < 0.01$) dengan PPDM. Selain itu, analisis regresi yang dilakukan menunjukkan KP, KG dan MG menjelaskan 53.4% ($R^2 = 0.534$) menyumbang kepada pengaruh terhadap PPDM. Akhirnya, model yang dicadangkan dibuktikan sah untuk populasi kajian dengan menggunakan analisis Model Persamaan Struktural (SEM). Kajian menyumbang satu Model Perubahan Pengurusan Data Murid baharu yang menambah baik model-model terdahulu. Kajian lanjut dicadangkan berhubung aspek kepimpinan dalam memahami pengaruhnya terhadap perubahan pengurusan data murid.

ABSTRACT

PRINCIPAL COMPETENCY, COMMITMENT AND MOTIVATION AS A PREDICTOR TO CONCERN ABOUT CHANGE OF STUDENT DATA MANAGEMENT AMONG TEACHER IN SABAH

The purpose of this study is to identify the relationship and influence of principal competencies (KP), teacher commitment (KG) and teacher motivation (MG) on changes in student data management (PPDM) in Sabah. This study involved 380 respondents consisting of class teachers working in all secondary schools in Sabah. All respondents were sampled using a randomized sampling method. The study design used in this study is a survey method and uses a questionnaire as a research instrument. The data obtained were analyzed using descriptive statistical analysis and inferential statistics using SPSS software (Statistical Package for Social Science Version 21.0). Based on the inference test of t-test, it was found that the value of $F = 1.307$, sig. (2 ends) 0.868 ($p > 0.05$) and the value of $t (-0.166)$ and this shows that there is no significant mean difference in PPDM based on gender. One-way ANOVA analysis showed that there was no significant mean difference in PPDM based on age and level of teacher education with F value = 0.426 , sig $p = 0.735$ ($p > 0.05$) and F value = 0.666 , sig $p = 0.5745$ ($p > 0.05$) respectively. However, for teaching experience there is a significant mean difference in PPDM with a value of $F = 9.131$, Sig $p = 0.00$ ($p < 0.05$). Pearson correlation analysis also showed a significant relationship between KP ($r = 0.371$, $p < 0.01$), KG ($r = 0.615$, $p < 0.01$) and MG ($r = 0.667$, $p < 0.01$) with PPDM. In addition, the regression analysis performed showed that KP, KG and MG explained that 53.4% ($R^2 = 0.534$) contributed to the influence on PPDM. Finally, the proposed model proved valid for the study population by using the Structural Equation Model (SEM) analysis. The study contributed to a new Student Data Management Change Model that improved previous models. Further studies are proposed on aspects of leadership in understanding their impact on changes in student data management.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	12
1.4 Tujuan Kajian	26
1.5 Objektif Kajian	26
1.6 Soalan Kajian	27
1.7 Hipotesis Kajian	27
1.8 Kepentingan Kajian	28
1.9 Batasan Kajian	30
1.10 Definisi Operasional	
1.10.1 Perubahan Pengurusan Data Murid	33

1.10.2	Kompetensi	35
1.10.3	Komitmen	35
1.10.4	Motivasi	36
1.11	Rumusan	38

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	39
2.2	Konsep dan Model Perubahan Pengurusan Data Murid	
2.2.1	Konsep Perubahan Pengurusan Data Murid	40
2.2.2	Model Penerimaan Berasaskan Keprihatinan (MPBK)	45
2.2.3	Teori Penyebaran Inovasi (<i>Diffusion on Inovation Theory</i>)	54
2.2.4	Teori Perubahan Lewin	59
2.2.5	Penggunaan Teknologi dalam Pelaksanaan Inovasi Pendidikan	64
2.3	Konsep dan Model Kompetensi	
2.3.1	Konsep Kompetensi	69
2.3.2	Model Kompetensi <i>Iceberg</i>	74
2.4	Konsep dan Teori Komitmen	
2.4.1	Konsep Komitmen	79
2.4.2	Teori Komitmen Allen dan Meyer	82
2.5	Konsep dan Teori Motivasi	
2.5.1	Konsep Motivasi	87
2.5.2	Teori Motivasi Herzberg	89
2.5.3	Teori Motivasi Keperluan Maslow	87
2.6	Kajian-kajian yang berkaitan	

2.6.1	Perubahan Pengurusan Data Murid	98
2.6.2	Kompetensi Pengetua	103
2.6.3	Komitmen Guru	111
2.6.4	Motivasi Guru	114
2.7	Pemilihan Teori dan Model Kajian	116
2.8	Kerangka Konseptual	119
2.9	Rumusan	120
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pengenalan	121
3.2	Reka Bentuk Kajian	121
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	125
3.4	Sampel dan Prosedur Pensampelan Kajian	126
3.5	Instrumen Kajian	122
3.5.1	Pembinaan Instrumen Kajian	130
3.6.2	Penentuan Bidang dan Item Kajian	133
3.6	Kajian Rintis	137
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	138
3.8	Tatacara Pemerolehan Data	141
3.9	Analisis Faktor	
3.9.1	Analisis Faktor Penerokaan (EFA) Kompetensi Pengetua	144
3.9.2	Analisis Faktor Penerokaan (EFA) Motivasi Guru	146
3.9.3	Analisis Faktor Penerokaan (EFA) Komitmen Guru	149
3.9.4	Analisis Faktor Penerokaan (EFA) Pengurusan Data Murid	151
3.10	Analisis Data	
3.10.1	Kaedah Deskriptif	153

3.10.2	Kaedah Inferensi	154
3.11	Rumusan	159
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	160
4.2	Profil Responden	160
4.3	Analisis Ujian Normaliti	162
4.4	Analisis Deskriptif	163
4.5	Analisis Inferensi	
4.5.1	Pengujian Hipotesis Ho1 (Jantina)	165
4.5.2	Pengujian Hipotesis Ho2 (Umur)	166
4.5.3	Pengujian Hipotesis Ho3 (Pengalaman Mengajar)	168
4.5.4	Pengujian Hipotesis Ho4 (Tahap Pendidikan)	169
4.5.5	Pengujian Hipotesis Ho5 hingga Ho7	171
4.5.6	Pengujian Hipotesis Ho8	173
4.6	Analisis Structure Equation Modelling (SEM)	
4.6.1	Analisis Model Pengukuran	176
4.6.2	Analisis Model Struktur	179
4.7	Ringkasan Pengujian Hipotesis	181
4.8	Rumusan	182
BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN		
5.1	Pengenalan	184
5.2	Rumusan	184
5.3	Perbincangan Hasil Kajian	
5.3.1	Tahap Perubahan Pengurusan Data Murid	186

5.3.2	Tahap Kompetensi Pengetua	188
5.3.3	Tahap Komitmen Guru	189
5.3.4	Tahap Motivasi Guru	190
5.3.5	Faktor Demografi Pemboleh Ubah	192
5.3.6	Hubungan Antara Kompetensi Pengetua, Komitmen Guru, Motivasi Guru dengan Perubahan Pengurusan Data Murid.	196
5.3.7	Faktor Penyumbang Kompetensi Pengetua, Komitmen Guru, Motivasi Guru dengan Perubahan Pengurusan Data Murid.	198
5.3.8	Kesan Model Sumbangan Pemboleh Ubah Bebas terhadap Perubahan Pengurusan Data Murid.	202
5.4	Implikasi Kajian	
5.4.1	Implikasi Terhadap Teori Kajian	203
5.4.2	Implikasi Terhadap Amalan	204
5.4.2	Implikasi Terhadap Penyelidikan	204
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	205
5.6	Penutup	207
	RUJUKAN	208
	LAMPIRAN	228

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 : Sekolah yang tidak memberi komitmen dalam menghantar kehadiran murid	18
Jadual 1.2 : Item yang tidak dilengkapkan oleh guru kelas	20
Jadual 2.1 : Tahap Keprihatinan Berkaitan Inovasi : Definisi Mengikut Tahap	47
Jadual 3.1 : Taburan Responden Mengikut Sekolah Terlibat	120
Jadual 3.2 : Stages of Concern Questionnaire (SoCQ)	124
Jadual 3.3 : Taburan Item bagi Kriteria Kompetensi Pengetua	126
Jadual 3.4 : Taburan Item bagi Kriteria Motivasi Guru	127
Jadual 3.5 : Taburan Item bagi Kriteria Komitmen Guru	127
Jadual 3.6 : Taburan Item bagi Perubahan Pengurusan Data Murid	128
Jadual 3.7 : Instrumen Soal Selidik	128
Jadual 3.8 : Skala likert 1-5	129
Jadual 3.9 : Senarai Pakar Rujuk Kesahan Konstruk dan Kandungan Instrumen	131
Jadual 3.10 : Keputusan Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Rintis	132
Jadual 3.11: Analisis KMO dan Bartlett's Test Konstruk Persepsi Guru Terhadap Kompetensi Pengetua	136
Jadual 3.12: Nilai Faktor Muatan Konstruk dan Item Pemboleh ubah Persepsi Guru Terhadap Kompetensi Pengetua	137
Jadual 3.13: Analisis KMO dan Bartlett's Test Konstruk Motivasi Guru	138
Jadual 3.14: Nilai Faktor Muatan Konstruk dan Item Pemboleh ubah Motivasi Guru	139
Jadual 3.15: Analisis KMO dan Bartlett's Test Konstruk Komitmen Guru	140
Jadual 3.16: Nilai Faktor Muatan Konstruk dan Item Pemboleh ubah Persepsi Guru Terhadap Komitmen Guru	141
Jadual 3.17: Analisis KMO dan Bartlett's Test Konstruk Perubahan Pengurusan Data Murid	142

Jadual 3.18: Nilai Faktor Muatan Konstruk dan Item Pemboleh ubah Pengurusan Data Murid	143
Jadual 3.19: Tafsiran Skor Min	145
Jadual 3.20: Nilai Kekuatan Korelasi	146
Jadual 3.21: Indeks Kebagusan Penyesuaian Model (<i>Goodness of Fit Index</i>)	147
Jadual 3.22: Pengukuran Kesepadanan Model	148
Jadual 3.23: Kaedah Ujian Soalan dan Hipotesis Kajian Analisis Inferens	149
Jadual 4.1 : Demografi Responden	152
Jadual 4.2 : Analisis Skewness dan Kurtosis Pemboleh Ubah Kajian	153
Jadual 4.3 : Tahap Kompetensi Pengetua	154
Jadual 4.4 : Tahap Kompetensi Motivasi Guru	154
Jadual 4.5 : Tahap Kompetensi Komitmen Guru	154
Jadual 4.6 : Tahap Kompetensi Perubahan Pengurusan Data Murid	155
Jadual 4.7 : Analisis Ujian-t Perubahan Pengurusan Data Murid (PPDM) mengikut Jantina	156
Jadual 4.8 : Analisis One Way ANOVA Perubahan Pengurusan Data Murid (PPDM) mengikut Umur	157
Jadual 4.9 : Analisis One Way ANOVA Perubahan Pengurusan Data Murid (PPDM) mengikut Pengalaman Mengajar	157
Jadual 4.10 : Analisis Ujian <i>Tukey</i> HSD Pemboleh Ubah Perubahan Pengurusan Data Murid (PPDM) mengikut Pengalaman Mengajar	157
Jadual 4.11 : Analisis One Way ANOVA Perubahan Pengurusan Data Murid (PPDM) mengikut Tahap Pendidikan	160
Jadual 4.12 : Korelasi antara Kompetensi Pengetua dengan Perubahan Pengurusan Data Murid	162
Jadual 4.13 : Korelasi antara Motivasi Guru dengan Perubahan Pengurusan Data Murid	162

Jadual 4.14 : Korelasi antara Komitmen Guru dengan Perubahan Pengurusan Data Murid	163
Jadual 4.15 : Analisis Ujian Stepwise Pemboleh Ubah Peramal Kajian terhadap Perubahan Pengurusan Data Murid (PPDM)	164
Jadual 4.16 : Analisis Ujian Regresi Pelbagai	164
Jadual 4.17 : Analisis Ujian ANOVA Pemboleh ubah Peramal Kajian	165
Jadual 4.18 : Analisis Pengaruh Coefficients Beta Pemboleh ubah terhadap pemboleh ubah criterion	165
Jadual 4.19 : Analisis Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian SEM	167
Jadual 4.20 : Korelasi Antara Pemboleh ubah	168
Jadual 4.21 : Pengukuran Penyesuaian Model	169
Jadual 4.22 : Analisis Langsung Pemboleh ubah Peramal dengan Pemboleh Ubah Bersandar Kajian	169
Jadual 4.23 : Ringkasan Keputusan Ujian Hipotesis H_0 1 hingga H_0 9	171




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 : Sistem Maklumat Murid (SMM)	7
Rajah 1.2 : Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM)	10
Rajah 1.3 : Model Kompetensi Pemimpin Sekolah (KOMPAS)	14
Rajah 1.4 : Cadangan Kerangka Penilaian Prestasi Pengetua dalam PPPM (2013- 2025)	14
Rajah 2.1 : Model Penerimaan Berasaskan Keprihatinan (MPBK)	44
Rajah 2.2 : Perkembangan Ideal Pergerakan Gelombang Tahap Keprihatinan Sumber	49
Rajah 2.3 : Profil Keprihatinan Pengurusan yang tinggi dengan idea sumber	50
Rajah 2.4 : Profil Keprihatinan Kesan : Matlamat pelaksanaan keprihatinan sumber	51
Rajah 2.5 : Kelok Kumulatif Penggunaan / Penerimaan Inovasi	53
Rajah 2.6 : Model Perubahan Kurt Lewin	57
Rajah 2.7 : Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pelaksanaan Perubahan	63
Rajah 2.8 : Model Kompetensi <i>Iceberg</i>	71
Rajah 2.9 : Model Komitmen Meyer dan Allen	78
Rajah 2.10 : Hierarki Keperluan Maslow	89
Rajah 2.11 : Kerangka Konsep Kajian	113
Rajah 3.1 : Prosedur Pensampelan Rawak Dua Peringkat	122
Rajah 4.1 : Keputusan Analisis Model Struktur	170

SENARAI SINGKATAN


PPDM	-	Perubahan Pengurusan Data Murid
KP	-	Kompetensi Guru
KG	-	Komitmen Guru
MG	-	Motivasi Guru
SKKSM	-	Standard Kompetensi Keperketuaan Sekolah Malaysia
ICT	-	<i>Information Communication of Technology</i>
SGM	-	Standard Guru Malaysia
IAB	-	Institut Aminuddin Baki
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
JPN	-	Jabatan Pendidikan Negeri
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>
APDM	-	Aplikasi Pangkalan Data Murid
SMM	-	Sistem Maklumat Murid
SPS	-	Sistem Pengurusan Sekolah
PAJSK	-	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum
SEM	-	<i>Structural Equation Modelling</i>
CR	-	<i>Composite Reliability</i>
ASV	-	<i>Average Standard Varian's</i>
MSV	-	<i>Maximum Standard Varian's</i>
CFI	-	<i>Comparative Fit Index</i>
GFI	-	<i>Goodness Fit Index</i>
NFI	-	<i>Normed Fit Index</i>
RMSEA	-	<i>Root Mean Square Error of Approximation</i>



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Surat Kebenaran Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (Eprd)	228
Lampiran B : Surat Lantikan Panel Pakar	229
Lampiran C : Dokumentasi Bukti	235
Lampiran D : Soal Selidik	238
Lampiran E : Analisis Faktor	244
Lampiran F : Analisis Data	261
Lampiran G : Analisis <i>Structural Equation Modelling (Sem)</i>	271



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam meniti arus kemodenan, fenomena yang dicetuskan oleh proses globalisasi telah membawa dunia dan kehidupan manusia terdedah kepada persaingan yang kuat. Sektor pendidikan juga tidak ketinggalan dalam menghadapi cabaran-cabaran baru ini. Sektor pendidikan perlu memberi respons yang positif kepada perubahan-perubahan yang sedang berlaku terutama dalam merealisasikan dasar, matlamat dan wawasan pembangunan negara yang sedang mengalami suatu rombakan besar menjelang abad baru (Tajul Ariffin & Noraini 2002; Abd Rahim 2000). Reformasi pendidikan membawa maksud perubahan sistem pendidikan yang sedia ada dengan tujuan menjadikannya lebih mantap dan sempurna. Malaysia tidak ketinggalan dengan arus reformasi pendidikan khususnya dalam sistem pengurusan sistem maklumat pendidikan.

Pada waktu yang sama, kewujudan sistem maklumat pengurusan dalam pelbagai bidang telah memainkan peranan penting dalam prospek pengurusan data dan maklumat di seluruh dunia (Raymond, 2007). Walaupun sejarah perkembangan sistem maklumat pengurusan bermula di negara Barat, terutama di Amerika Syarikat, negara kita tidak ketinggalan daripada arus perdana ini (Ainin *et al.*, 2002). Ia telah digunakan secara meluas sama ada dalam sektor swasta mahupun sektor awam.

Kecekapan dan keberkesanan pengurusan pendidikan dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) merupakan salah satu daripada penekanan yang diberikan selaras dengan hasrat mahu menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dan menyediakan pendidikan bertaraf dunia. Ekoran

daripada itu, Kementerian telah membelanjakan lebih daripada RM6 bilion untuk TMK dalam inisiatif pendidikan (Laporan Awal- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025). Jumlah ini merupakan antara pelaburan modal paling intensif pernah dilakukan dalam sistem pendidikan. Walau bagaimanapun, penggunaan TMK di sekolah masih tidak mencapai tahap yang memuaskan, baik dari segi kualiti mahupun kuantiti.

Menurut Rahmad Sukor dan Mohd Subhimarsan (2001), pengurusan sekolah yang menggunakan TMK akan kelihatan bukan sahaja daripada aspek fizikal iaitu peralatan teknologi maklumat dan komunikasi, tetapi juga daripada aspek keadaan sekeliling termasuk motivasi dan kepentingannya kepada pelajar.

Sejak kebelakangan ini, kementerian banyak melaksanakan inovasi dalam pendidikan dengan membangunkan sistem berasaskan web yang merupakan salah satu cabang dalam bidang perkomputeran. Teknologi ini semakin meluas penggunaannya dalam masyarakat dunia. Dalam meniti arus kemodenan ini, banyak aplikasi atau sistem yang telah bertukar kepada sistem yang berasaskan web untuk memudahkan capaian maklumat. Ini dapat dilihat dari segi masa capaian yang lebih singkat untuk menghubungkan pengguna dengan sesuatu sistem.

Selaras dengan hasrat tersebut, pengurusan data pendidikan menggunakan aplikasi teknologi maklumat diberi tumpuan utama. Penggunaan teknologi maklumat membolehkan aplikasi sistem maklumat dibangunkan melalui pangkalan data. Ini bagi membolehkan maklumat digunakan sepenuhnya terutamanya untuk meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran. Justeru, sekolah dikehendaki menggunakan teknologi maklumat untuk menguruskan maklumat supaya sentiasa tersedia pada bila-bila masa diperlukan (Rashid, 2007). Maklumat ini diperlukan oleh Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk membuat perancangan dan keputusan dari semasa ke semasa. Lantas, maklumat di sekolah hendaklah sentiasa kemas kini, tepat, boleh dipercayai, sahih dan boleh dicapai pada bila-bila masa.

Kesahihan maklumat pula perlu dipelihara bagi mengelakkan mengambil keputusan yang salah (Azmi, 2004).

Era teknologi maklumat dengan penggunaan teknologi komputer ini sangat sesuai digunakan dalam pengendalian sesebuah organisasi. Contohnya sistem pengurusan yang melibatkan data-data yang banyak bagi mempercepatkan pengurusan serta perekodan maklumat tanpa perlu melakukannya secara manual. Selain itu, dengan menggunakan teknologi komputer, maklumat dapat disimpan dengan selamat dan berkesan yang mana ini akan memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan.

Sehubungan dengan itu, proses untuk mendapatkan data murid yang lengkap menjadi satu masalah kepada pentadbir untuk membuat sebarang keputusan dan perancangan berkaitan dengan murid di sekolah. Sistem pengurusan maklumat secara insani (manual) yang ada telah memaksa mereka supaya mengambil masa yang agak lama untuk mendapatkan sesuatu maklumat atau rekod pelajar. Teknologi komputer adalah sangat sesuai digunakan dalam pengendalian sistem pengurusan data murid bagi mempercepatkan pengurusan serta memudahkan pihak institusi pengajian tinggi mengeluarkan laporan-laporan tanpa perlu melakukannya secara manual. Menurut Mohd Yusri bin Ibrahim (2014), dengan menggunakan teknologi pengkomputeran, segala maklumat dapat dicapai dengan mudah dan semua maklumat sulit terjamin kerahsiaannya.

Untuk pengurusan data murid dengan cemerlang, pengetua dan guru kelas harus memiliki kompetensi individu dan keterampilan diri sebagai pemangkin kepada kecemerlangan pengurusan. Antara kompetensi individu yang diperlukan adalah pengetahuan dan kemahiran serta ciri peribadi dalam menyempurnakan sesuatu tugas. Manakala keterampilan yang perlu ada pada pengurus sekolah ialah kebolehan menyelesaikan masalah, penghakiman, keupayaan mengurus, membuat keputusan, kepemimpinan, kepekaan, minat, motivasi sendiri, pengawalan tekanan, nilai pendidikan, komunikasi lisan, komunikasi bertulis, kefahaman antara budaya, kecergasan fizikal, keterampilan asas pengurusan sistem berbantuan elektronik, menangani individu yang bermasalah, penguasaan

pengetahuan am dan profesionalisme, dan citra diri atau sahsiah (Neela Mehan & Amer Hamzah 1998).

Sementelahan, pengetua yang memiliki kompetensi sebagai pengurus dan pemimpin sekolah akan mencapai tahap pengurusan dan kepimpinan yang tinggi serta mampu membawa pendidikan ke tahap kualiti setaraf pendidikan dunia (Musa, 2001). Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah Malaysia (SKKSM) yang digubal pada 2006 pula menyatakan pengurus dan pemimpin sekolah akan dapat menghayati dan menguasai mempunyai standard kompetensi pengurusan dan kepimpinan apabila mereka pengetahuan, memiliki nilai profesional, serta melakukan amalan terbaik dalam sembilan bidang pengurusan di sekolah iaitu dalam pengurusan dan kepimpinan organisasi, pengurusan kurikulum, pengurusan kokurikulum, pengurusan hal ehwal murid, pengurusan kewangan, pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal, pengurusan dan pembangunan sumber manusia, dan pengurusan perhubungan luar (IAB, KPM 2006).

1.2 Latar Belakang Kajian

Sistem pendidikan dalam organisasi pendidikan adalah satu entiti yang memerlukan perubahan bagi membolehkannya terus hidup, membangun dan berkembang. Dunia kini sudah memasuki alaf baru dan beberapa isu hangat yang terkini berlaku dalam perubahan pendidikan sedang diambil perhatian. Justeru, dalam kajian ini penyelidik lebih memfokuskan kepada perubahan sistem pengurusan data murid yang melibatkan banyak pihak. Melakukan satu perubahan adalah tidak semudah yang disangkakan. Ini disokong oleh Mohamed Sani Ibrahim dan Mohd Izham Hamzah (2012) yang menyatakan bahawa melaksanakan perubahan bermakna menempuh satu situasi ketidakpastian dan akan mendedahkan organisasi kepada pelbagai risiko dan juga ancaman. Ini selari dengan Gokçe (2009) menjelaskan bahawa setiap penyelesaian atau resolusi yang dicapai pada hari semalam akan menjadi satu permasalahan hari ini.

Trend pendidikan semasa dan akan datang adalah berfokuskan kepada aplikasi teknologi Internet dalam carian dan akses maklumat. Perubahan pengurusan data murid adalah melibatkan aplikasi teknologi Internet dalam sistem pengkomputeran. Sistem pengurusan maklumat merupakan suatu perkembangan terhadap teknologi komputer. Penggunaan teknologi komputer dalam bidang pengurusan membantu memudahkan pelbagai urusan. Pemikir besar bidang pengurusan, Peter F. Drucker pernah menyatakan bahawa tujuan komputer dalam bidang pengurusan ialah untuk mengelak manusia daripada membuang masa kepada kerja-kerja yang memerlukan pengawasan dan menumpukan perhatian kepada kerja yang memerlukan pemikiran, imaginasi, persepsi dan kreativiti (Shaharom, 2005).

Sistem maklumat boleh didefinisikan sebagai satu set komponen yang paling berkait untuk mengumpul, memproses dan menyebarkan maklumat bagi membantu pengurusan dalam membuat keputusan, perancangan, koordinasi dan kawalan dalam sesebuah organisasi (Laudon & Laudon, 2000). Sebagai contoh, dalam sesebuah organisasi pendidikan seperti sekolah, sistem maklumat digunakan untuk menyimpan dan menyalurkan maklumat tentang pelajar dan guru. Pengurusan rekod dan penyimpanan maklumat murid amat penting serta berguna bagi sekolah, guru kelas dan ibu bapa murid, Jabatan Pelajaran Negeri, Kementerian Pelajaran, dan pihak yang berkenaan. Dengan adanya rekod maklumat murid, pihak-pihak berkenaan boleh menggunakannya sebagai sumber rujukan peribadi, potensi, prestasi dan pencapaian murid dalam segala aktiviti persekolahan, termasuk kurikulum dan kokurikulum.

Kajian ini lebih memfokuskan kepada kompetensi pengetua, komitmen dan motivasi guru terhadap perubahan sistem pengurusan sekolah khususnya pengurusan data murid di sekolah. Peranan kepimpinan sesebuah sekolah amat kompleks dan mencabar. Pengetua sebagai peneraju sekolah hendaklah bersedia melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran mendepani cabaran dunia pendidikan bagi melahirkan pendidikan berkualiti dan sekolah berkesan. Dalam konteks ini Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah Malaysia (SKKSM) dapat dijadikan suatu piawaian minimum yang perlu ada pada pengetua sekolah. ini